

LATIHAN SAINS TINGKATAN 2 2020

TOPIK : PENYAKIT BERJANGKIT DAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT


NAMA :

KELAS :

Sila tonton video di bawah



1. Kelaskan penyakit-penyakit yang berikut kepada penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit dalam peta pokok di bawah.



2. Nyatakan **Benar** atau **Palsu** pada amalan yang boleh menyebabkan penyebaran penyakit.

Pernyataan	Benar / Palsu
(a) Berkongsi berus gigi dalam kalangan ahli keluarga semasa bercuti	
(b) Memasak air sehingga mendidih sebelum diminum	
(c) Menutup pintu dan tingkap semasa membersihkan habuk	

(d) Meminjamkan tuala kepada rakan semasa mengikuti aktiviti perkhemahan	
(e) Menutup makanan di atas meja di dapur dengan tudung saji	

3. Namakan istilah yang terlibat dalam mekanisma pertahanan badan di bawah.

Istilah	Pernyataan
	Jasad asing yang masuk ke dalam badan yang menyebabkan penyakit contohnya bakteria dan virus
	Protein yang dihasilkan oleh sel darah putih ke dalam aliran darah.
	Jasad asing yang merangsang penghasilan antibodi.
	Keupayaan sistem badan untuk menentang penyakit yang disebabkan oleh patogen
	Satu kaedah untuk memberi daya tahan secara aktif pada seseorang terhadap penyakit menerusi suntikan vaksin ke dalam badan

4. Baca situasi di bawah. Kemudian laksanakan tugas yang diberi.

Marlia kerap dijangkiti selesema. Dia seorang kanak-kanak yang aktif dan ibunya sentiasa memastikan dia mendapat tidur yang cukup. Walau bagaimanapun Marlia sangat gemar makan makanan ringan.

Anda dikehendaki memilih makanan yang sesuai untuk makan tengah hari Marlia supaya dia mempunyai sistem keimunan yang mantap. Pilih makanan yang disediakan di bawah dengan menekan tanda bintang ☆ di bawahnya .

